

PELANTIKAN YBHG. DATUK MANOHARAN PERIASAMY SEBAGAI PENERUSI TOURISM MALAYSIA



PUTRAJAYA, 11 DISEMBER 2025 – Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Dato Sri Tiong King Sing, mengumumkan pelantikan YBhg. Datuk Manoharan Periasamy sebagai Pengerusi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) berkuat kuasa mulai 8 Disember 2025. Pelantikan ini dibuat selaras dengan

peruntukan Seksyen 5(1)(a), Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481).

YBhg. Datuk Manoharan Periasamy yang sebelum ini merupakan Ketua Pengarah Tourism Malaysia, dilantik ke jawatan tersebut menggantikan YBhg. Datuk (Dr.) Yasmin Mahmood.

Dengan pengalaman luas beliau dalam perkhidmatan awam dan sektor pelancongan selama lebih 30 tahun, beliau pernah memegang beberapa jawatan penting termasuk Pengarah Kanan Bahagian Promosi Antarabangsa (Asia & Afrika), Pengarah Kanan Bahagian Pengiklanan & Digital, Pengarah Bahagian Pembangunan Pakej serta Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat.

Selain itu, beliau turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh kehadiran Malaysia di pasaran Asia Selatan apabila diberi tanggungjawab mengetuai operasi promosi pelancongan negara sebagai Pengarah Tourism Malaysia Mumbai dan Pengarah Tourism Malaysia New Delhi di India dari tahun 2000 hingga awal 2016.

YBhg. Datuk Manoharan menyatakan komitmen beliau untuk memikul tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi. “Saya amat menghargai kepercayaan yang diberikan melalui pelantikan ini. Amanah yang dipertanggungjawabkan adalah besar, khususnya dalam memastikan keberhasilan dan pelaksanaan VM2026. Saya beriltizam untuk bekerjasama rapat dengan pengurusan serta seluruh warga Tourism Malaysia bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama,” ujar beliau.

Pelantikan YBhg. Datuk Manoharan Periasamy dijangka memperkukuh hala tuju strategik Tourism Malaysia, khususnya dalam usaha memantapkan penyelarasan program dan aktiviti promosi pelancongan negara menjelang pelaksanaan Kempen Visit Malaysia 2026 (VM2026).

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026 bakal meraikan kelestarian industri pelancongan negara seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (UNSDG). Selain itu, Tourism Malaysia turut menyokong Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke arah merealisasikan Tahun Melawat IMT-GT 2023-2025 bagi mempromosikan wilayah serantau sebagai destinasi pelancongan tunggal. Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Azham Ishak

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Sumber Manusia
azhamishak@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8967

Norshariza Mohd Saad

Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775